



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Jalan Istana, Bukit Beruang  
75450 Melaka

Tel : 06-2323776  
Faks : 06-2320500  
<http://jpnmelaka.moe.gov.my>

Rujukan Kami : JPNM.SPBM.PBM.600-11/2/1 Jld.34 (02)  
Tarikh : 12 September 2023

**Ketua Pegawai Eksekutif,**  
ME12Pay Digital Sdn. Bhd.,  
2-19-01 Worldwide@7,  
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam,  
**Selangor Darul Ehsan.**

Tuan,

**KEBENARAN MELAKSANAKAN PROGRAM GO DIGITAL SCHOOL 2024 DI NEGERI MELAKA ANJURAN ME12PAY DIGITAL SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya surat tuan yang bertarikh 4 September 2023 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPNM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPNM sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kokurikulum di negeri ini.

3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan Novel Coronavirus (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam normal baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak JPNM mengambil maklum akan permohonan tuan serta **tiada halangan** bagi penglibatan guru dan murid sekolah untuk menyertai **Program Go Digital School 2024** yang akan diadakan bermula **1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024**, selaras Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.5/2018, SPI.24/1998, Bil.9/2004 dan Bil.10/2011 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010. Walau bagaimanapun, selaras dengan *Standard Operating Procedure* (SOP) Pembukaan Sektor Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan **Garis Panduan Pelaksanaan Sukan dan Kokurikulum, KPM** langkah pencegahan penularan jangkitan COVID-19, pihak tuan dimohon untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi :

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran/persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah;
- 4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;

- 4.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.5 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.6 Penyertaan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- 4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat;
- 4.9 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.10 Pihak penganjur digalakkan untuk melaksanakan aktiviti secara dalam talian;
- 4.11 Selaras dengan pelaksanaan Pendidikan Sivik yang sedang berkuat kuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak penganjur dimohon agar memastikan kesedaran sivik dan amalan murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung seperti gotong-royong membersihkan kawasan (sekiranya program dilaksanakan secara bersemuka);
- 4.12 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat;
- 4.13 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti Lampiran A)** kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNM dalam tempoh 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum;
- 4.14 **Sebarang penggunaan logo JPN Melaka dan KPM adalah tidak dibenarkan** selagi tiada permohonan rasmi daripada penganjur. Pihak **PENGANJUR** perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPN Melaka dan KPM melalui **Unit Komunikasi Korporat, KPM** sekurang-kurangnya sebulan sebelum penggunaan logo dan penggunaan terhad bagi program yang hanya melibatkan murid dan guru sekolah di bawah KPM. Logo ini hanya boleh dipamerkan pada sijil dan *banner* sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersil.  
dan
- 4.15 JPNM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Untuk makluman tuan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka sedang berusaha untuk Melindungi Masa Instruksional (MMI), masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid, oleh yang demikian kami mencadangkan **supaya penglibatan murid dan guru diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid dan dilaksanakan diluar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja**. Selain itu, jika program terpaksa dilakukan dalam waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP), **PGB hendaklah memastikan guru yang diberikan kebenaran hadir disediakan guru ganti "relief"**.

6. Kelulusan ini hanya untuk perkara yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024**. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Encik Mohd Elyia bin Hauzar, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka** di talian **06-232 6489 / 017-660 5017**.

Kerjasama dan keprihatinan tuan di dalam hal ini didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**

**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI JAMSARI BIN MARIMAN)**

Timbalan Pengarah Pendidikan,  
Sektor Pembangunan Murid,  
b.p. Pengarah Pendidikan,  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

s.k 1. Fail Penyelaras

JM/meh/UPBM/me12pay

